

**PENJAGAAN KANAK-KANAK —  
PENJELASAN DARI MAHKAMAH  
MENGENAI KEBAJIKAN KANAK-KANAK;  
KES *KANAGALINGAM V. KANAGARAJAH*<sup>1</sup>**

Satu kes yang diputuskan oleh Mahkamah dalam tahun ini memberi penjelasan sedikit-sebanyak mengenai suatu perkara yang sering merumitkan — perlantikan penjaga bagi seorang kanak-kanak.

Kes *Kanagalingam v. Kanagarajah* menarik perhatian kerana fakt-faktanya mendedahkan suatu keganjilan dalam undang-undang yang berkuatkuasa di Malaysia. Dalam kes ini, pemohon meminta mahkamah mengeluarkan *habeas corpus ad subjiciendum* bagi mengarahkan responden supaya menyerahterahkan anak perempuan pemohon yang berada dalam jagaan responden. Anak pemohon itu bukan budak kecil, malah ianya seorang dewasa yang berumur lebih dari lapan belas tahun dan sudah pun melangsungkan perkahwinan dengan responden. Perkahwinan tersebut diupacarakan di kuil di Maran tanpa persetujuan pemohon. Oleh itu pemohon mendakwa bahawa dia adalah penjaga yang sah bagi anaknya dan dia menuntut balik jagaan anaknya yang telah mengikut suaminya itu. Bolehkah tuntutan ini dibenarkan? Untuk menjawab soalan ini haruslah kita meneliti undang-undang yang berkenaan.

Pertama sekali, menurut Akta Umur Dewasa, 1971 seseorang yang telah mencapai umur lapan belas tahun adalah dewasa melainkan diperuntukkan selain dari itu dalam mana-mana undang-undang bertulis yang menetapkan umur dewasa yang lain bagi maksud undang-undang itu.<sup>2</sup>

Akta Penjagaan Kanak-Kanak, 1961 adalah suatu daripada undang-undang bertulis yang memperuntukkan umur dewasa yang lain dari umur yang ditetapkan dalam Akta Umur Dewasa, 1971. Dalam Akta Penjagaan Kanak-Kanak, 1961 umur dewasa bagi kanak-kanak yang bukan Islam ialah dua puluh satu tahun tetapi umur dewasa bagi kanak-kanak beragama Islam ialah lapan belas tahun. Jadi, bagi maksud Akta itu, ada perbezaan antara umur dewasa kanak-kanak Islam dengan umur dewasa kanak-kanak yang bukan Islam. Perbezaan ini tidak dapat dipertahankan sekarang kerana umur dewasa untuk semua orang bagi semua hal lain sudah pun diturunkan kepada umur lapan belas tahun. Dan di sinilah terdapat suatu keganjilan dalam undang-undang — seseorang yang bukan Islam yang berumur lapan belas tahun adalah dewasa untuk kebanyakan perkara lain tetapi dalam hal penjagaan, dia akan dianggap sebagai "remaja" dan

<sup>1</sup>[1982] 1 M.L.J. 264.

<sup>2</sup>Seksyen 4(c).

diletak di bawah jagaan seorang penjaga. Keadaan ini tidak memuaskan dan pindaan kepada umur dewasa dalam Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961 harus dibuat.


Menurut seksyen 5, Akta Penjagaan Kanak-kanak, 1961, seorang bapa adalah penjaga anaknya yang masih remaja tetapi ini tertakluk kepada kuasa mahkamah untuk memecatnya dan melantik orang lain.<sup>3</sup> Perkara-perkara yang mesti dipertimbangkan oleh Mahkamah bila melantik orang lain, disebutkan dalam seksyen 11, iaitu kebijakan kanak-kanak dan juga kemahuan ibu-bapa kanak-kanak tersebut. Harus diperhatikan bahawa seksyen 11 tidak menyebut kemahuan kanak-kanak itu sendiri seperti terdapat dalam Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976.<sup>4</sup> Namun begitu mahkamah dalam kes ini memutuskan bahawa kemahuan anak itu mesti dipastikan bagi menentukan kebijakan anak itu sekiranya anak itu mempunyai kecerdasan dan kebolehan membuat keputusan bagi kebijakannya. Mahkamah menegaskan bahawa di dalam kebijakan kanak-kanak terkandung kemahuan kanak-kanak itu sendiri. Seterusnya mahkamah menetapkan bahawa oleh kerana kebijakan kanak-kanak adalah perkara terutama yang mesti ditimbangkan oleh mahkamah, maka kemahuan kanak-kanak itu juga mesti didapati sebelum keputusan boleh dibuat mengenai siapa yang berhak menjadi penjaga.

Kenyataan itu dibuat oleh mahkamah Persekutuan yang mendengar rayuan dari responden yang tidak puashati dengan keputusan yang diberi oleh Persuruhjaya Kehakiman yang telah membicarakan kes itu pada peringkat awal. Persuruhjaya Kehakiman itu tidak mengambil kira kemahuan anak pemohon walaupun anak itu telah memberitahunya bahawa dia ingin tinggal bersama dengan suaminya dan tidak mahu pulang ke rumah bapanya. Anak itu juga telah berkata bahawa sekiranya dia tidak dibenarkan tinggal dengan suaminya itu, dia hendak pergi ke rumah kebijakan. Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Persuruhjaya Kehakiman sepatutnya menimbangkan pandangan yang diberi oleh anak pemohon itu.

Nampaknya Persuruhjaya Kehakiman lebih mengutamakan sama ada perkahwinan yang dilangsungkan antara anak pemohon dengan responden itu sah atau tidak. Beliau telah merujuk kepada Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952 dan memutuskan bahawa perkahwinan itu tidak sah kerana pemohon sebagai bapa tidak memberi persetujuannya. Mahkamah Persekutuan tidak membuat ulasan melainkan mengatakan bahawa mungkin beliau tidak salah merujuk kepada Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952 dan memutuskan bahawa perkahwinan responden itu tidak boleh didaftarkan di bawah Ordinan tersebut. Mahkamah Persekutuan hanya menekankan bahawa pandangan dan kemahuan seseorang anak adalah perlu untuk menentukan kebijakan anak itu dan siapakah berhak menjadi penjaganya.

<sup>3</sup>Seksyen 10.

<sup>4</sup>Seksyen 88(2).



# THE MALAYAN LAW JOURNAL

(Established 1932 — The sole Law Reporter for Malaysia & Singapore)

Subscription 1982 — S\$250.00  
Back Volumes — Prices on Application

## Other Titles Published:—

- Ahmad Ibrahim: Family Law in Malaysia & Singapore (1978) Paperback S\$30.00  
Ahmad Ibrahim: Legal Status of the Muslims in Singapore (1965) S\$12.00  
Ahmad Ibrahim: Sources and Development of Muslim Law (1965) S\$15.00  
Ahmad Ibrahim: Status of Muslim Women in Family Law in Malaysia, Singapore and Brunei (1965) S\$15.00  
Ahmad Ibrahim: Distribution of Estates according to Shafii Law (1976) S\$13.00  
Bartholomew: Commercial Law of Malaysia (1965) S\$16.00  
Canagarayar: Diversion of Traffic Offenders (1981) S\$40.00  
Chandra Mohan: Bail in Singapore (1977) S\$35.00  
Das: Japanese Occupation and Ex Post Facto Legislation in Malaya (1960) S\$15.00  
Das: Torrens System in Malaya (1963) S\$150.00  
Hooker: Native Law in Sabah and Sarawak (1980) S\$15.00  
Jain: Administrative Law of Malaysia and Singapore (1980) Hardcover S\$45.00  
Jayakumar: Constitutional Law Cases from Malaysia & Singapore (1976)  
Hardback S\$50.00

## Malayan Cases:—

- Vol. I (1939) S\$100.00      Vol. III (1964) S\$100.00  
Vol. II (1958) (Out of Print)      Vol. VI (1980) S\$135.00

## Mallal's Digest of Malaysian & Singapore Case Law 3rd edn.:—

- Vol. I Administrative Law to Customs & Excise (1808—1965) 1965 S\$200.00  
Vol. II Damages to Housing & Development Board (1808—1967) 1969 S\$200.00  
Vol. III Identity Cards to Local Government (1808—1969) 1971 S\$200.00  
Vol. IV Machinery to Prize Law (1808—1976) 1978 S\$240.00

Sheridan: Constitutional Protection (1963) S\$30.00

Sheridan & Groves: The Constitution of Malaysia 3rd edn. (1979)  
Hardcover S\$50.00

Sihombing: National Land Code (1981) S\$250.00

Sim Ewe Eong: An Introduction to Tax Appeals in Malaysia (1981) S\$30.00

Sim Ewe Eong: Perak State Laws 2604 (1944): A Review & Commentary S\$10.00

Subramaniam: Petroleum Income Tax in Malaysia (1982) S\$50.00

Subramaniam: Introduction to Real Property Gains Taxation in Malaysia S\$40.00

## Survey of Malaysian Law:—

- 1977 eds. Ahmad Ibrahim & Saxena (1979) S\$30.00  
1978 ed. Ahmad Ibrahim (1980) S\$35.00  
1979 ed. Ahmad Ibrahim (1980) S\$46.00  
1980 ed. Ahmad Ibrahim (1982) S\$60.00

Wong Kim Fatt: Private Caveats (1980) S\$20.00

# MALAYAN LAW JOURNAL (PTE) LTD.

3, Shenton Way # 14-03  
Shenton House  
Singapore 0106  
Tel. 2203684 (4 lines)

4th Floor, Bangunan Ming,  
Jalan Bukit Nanas,  
Kuala Lumpur 04—01, Malaysia  
Tel: 03-221218 & 03—221219